

23 MAY 2000

Gerakan-Ling

KEPUTUSAN ADALAH HAK PERDANA MENTERI, KATA KENG YAIK

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini berkata adalah menjadi hak perdana menteri dalam menentukan jumlah jawatan kabinet yang diperuntukkan kepada setiap parti komponen Barisan Nasional.

"Ia merupakan hak beliau. Perdana Menteri telah membuat keputusan dan kita menghormatinya (keputusan itu)," kata Dr Lim kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN pada persidangan media hari ini ketika menjawab satu soalan bahawa MCA tidak akan diberikan jawatan tambahan dalam kabinet untuk tidak menyentuh kedudukan parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain.

Kegagalan MCA untuk mendapatkan tambahan jawatan kabinet dilaporkan menjadi antara sebab yang membawa kepada peletakan jawatan presidennya Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sebagai menteri pengangkutan.

Selepas pilihan raya umum 29 Nov tahun lepas, parti itu diberikan jumlah jawatan menteri yang sama walaupun ia mencapai kejayaan yang baik pada pilihan raya itu. Empat menteri berkenaan ialah Dr Ling, Datuk Ong Ka Ting (Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Datuk Chua Jui Meng (Kesihatan) dan Datuk Dr Fong Chan Onn (Sumber Manusia).

Dalam tindakan yang mengejutkan itu, Dr Ling turut mencadangkan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy, seorang naib presiden MCA, menggantikan beliau sebagai menteri pengangkutan.

Dr Ling tidak memberikan sebab beliau meletakkan jawatan kabinetnya.

Dr Lim enggan memberikan sebarang komen mengenai keputusan Dr Ling meletakkan jawatan dengan berkata ia tidak ada kena mengena dengan Gerakan.

Saya tidak tahu langsung mengenai isu itu, kecuali melalui akhbar, jadi tidak wajar bagi saya membuat sebarang komen mengenainya, katanya.

"Saya mahu mengelak daripada membuat sebarang komen mengenai perkara yang saya tidak tahu kerana komen saya hanya akan membawa kepada spekulasi mengenai isu itu," katanya.

-- BERNAMA

WNZ AHH RON